PANDUAN UMUM PENGGUNAAN MODUL

PENDIDIKAN ISLAM SPM

Modul ini mengamdungi 2 bahagian iaitu kertas 1 dan kertas 2.

Setiap bahagian mengandungi tajuk-tajuk tundingan bagi tahun 2018.

Setiap tajuk mengandungi 2 bentuk soalan iaitu soalan untuk pelajar cemerlang dan halus.

Pelajar cemerlang dikehendaki menjawab modul cemerlang, manakala pelajar yang halus diberi soalan halus.

Cadangan penggunaan modul adalah seperti berikut :

| MODUL CEMERLANG | MODUL HALUS |
|---|---|
| 1. Guru hendaklah mencetak soalan untuk diberikan kepada setiap pelajar. | |
| 2. Pelajar perlu menjawab soalan tanpa melihat skema jawapan. | 2. Guru perlu membimbing pelajar dengan menggunakan kata kunci. |
| 3. Skema digunakan apabila pelajar/guru membuat semakan jawapan.Ia sebagai panduan sahaja .Jawapan lain yang sesuai dan munasabah boleh diterima. | |

SELAMAT BERUSAHA
MENUJU JAYA

**TAJUK MODUL**

| SET | BAHAGIAN | TING. | TAJUK |
| --- | --- | --- | --- |
| 5 | AL-QURAN | 5 | PERIBADI MUKMIN |
| | SIRAH | 5 | TENTERA UMAIYAH |
| | TOKOH | 5 | IBNU SINA |
| | ADAB | 5 | ADAB MUSAFIR |

**PERIBADI MUKMIN**

| | | |
|---|---|---|
| 1 | (a) | Firman Allah SWT. |
| | | إِنَّمَا يُؤْمِنُ بِـَٔايَـٰتِنَا ٱلَّذِينَ إِذَا ذُكِّرُوا۟ بِهَا خَرُّوا۟ <u>سُجَّدًا</u> وَسَبَّحُوا۟ بِحَمْدِ رَبِّهِمْ وَهُمْ لَا<br>يَسْتَكْبِرُونَ ۩ ﴿١٥﴾ تَتَجَافَىٰ جُنُوبُهُمْ عَنِ ٱلْمَضَاجِعِ يَدْعُونَ رَبَّهُمْ خَوْفًا وَطَمَعًا<br>وَمِمَّا رَزَقْنَـٰهُمْ يُنفِقُونَ ﴿١٦﴾<br><br>(Surah Sajdah:15-16) |
| | | Ayat di atas menyatakan antara ciri orang yang benar-benar beriman kepada Allah SWT ialah sujud kepada Allah SWT. |
| | | Berdasarkan ayat di atas, |

| BIL | SOALAN | M |
|---|---|---|
| | | |
| 1 | Berikan maksud perkataan yang bergaris. | 1 |
| | | |
| 2 | Senaraikan **dua** ciri orang yang beriman. | 4 |
| | | |
| | "Sesungguhnya yang sebenar-benar beriman kepada ayat-ayat keterangan kami hanyalah orang-orang yang apabila diberi peringatan dan pengajaran dengan ayat-ayat itu, mereka segera sujud ........" | |
| 3 | Berdasarkan maksud ayat di atas, mengapa Allah SWT mengingatkan kita tentang perkara sedemikian. Bincangkan. | 4 |
| | | |

**KETENTERAAN BANI UMAIYAH**

1. Nyatakan **dua** pasukan dalam tentera Umaiyah, yang ditiru dari corak gerakan tentera Parsi [2 markah]

2. Jelaskan **dua** cara pemilihan tentera Bani Umaiyah [4 markah]

3. Jelaskan bentuk latihan ketenteraan Bani Umaiyah [2 markah]

4. **Kekuatan tentera pada zaman Bani Umaiyah telah memberi kesan kepada peluasan negara dan dakwah Islam.** [4 markah]

   Jelaskan pendapat anda untuk menyokong pernyataan di atas.

**IBNU SINA**

1. Tuliskan secara ringkas riwayat hidup Ibnu Sina [2 markah]

2. Jelaskan **dua** keistimewaan kitab Qanun Fi Tib [4 markah]

3. Jelaskan **dua** sumbangan beliau dalam bidang perubatan [4 markah]

**ADAB BERMUSAFIR**

1. **"Hukum bermusafir bergantung kepada tempat yang dituju dan niat orang yang bermusafir"** [2 markah]

   Apakah situasi yang menyebabkan seseorang Muslim wajib bermusafir?

2. Jelaskan **dua** adab bermusafir. [4 markah]

3. Jelaskan **dua** sebab manusia perlu beradab ketika bermusafir. [4 markah]

4. [4 markah]

> Haikal menuju ke Kelantan dari Kuala Lumpur untuk urusan kerja namun dia enggan menunaikan solat secara jamak, qasar atau kedua-duanya sekali. Haikal berhenti di perhentian rehat dan rawat (R&R) setiap kali masuk waktu solat kerana berpandangan lebih baik menunaikan solat seperti biasa sebagai tanda pengorbanan masa untuk beribadah kepada Allah.

Berdasarkan situasi di atas apakah pandangan anda tentang cara Haikal bermusafir? Bincangkan.

**SKEMA**

**PERIBADI MUKMIN**

| BIL | JAWAPAN | M |
|---|---|---|
| | | |
| 1 | Maksud perkataan yang begaris ialah sujud /taat/patuh perintah Allah. | 2 |
| | | |
| 2 | Dua ciri orang yang beriman ialah: | 4 |
| | | |
| | - melazimi qiamullail / untuk beribadat | |
| | - sentiasa sujud kepada Allah/ kerana mengagungkanNya | |
| | -sentiasa mengingati Allah | |
| | -menginfakkan harta untuk jalan Allah | |
| | -tidak takbur | |
| | | |
| 3 | Cadangan isi :- | 4 |
| | Fokus kepada: | |
| | - Akur / taat dengan perintah Allah | |
| | - Untuk menjadi hamba yang disayangi/dirahmati/diredhai | |
| | - Tidak akan melakukan perkara yang dilarang /tidak takbur | |
| | -Sebagai bukti keimanan kepada Allah | |
| | -Mendapat pahala / masuk syurga | |
| | -kehidupan menjadi tenang | |

**KETENTERAAN BANI UMAIYAH**

| | | |
|---|---|---|
| 1. | **Nyatakan dua pasukan dalam tentera Umaiyah, yang ditiru dari corak gerakan tentera parsi**<br>– Pasukan teras diletakkan ditengah-tengah (Qalbu Jaisy)<br>– Sayap kanan(al-maimanah)<br>– Sayap kiri(al-maisarah)<br>– Pasukan hadapan (al-Muqadimah)<br>– Pasukan barisan belakang (Safatul jaisy) | 2M |
| 2. | **Jelaskan dua cara pemilihan tentera Bani Umaiyah**<br>– Peringkat awal sukarela<br>– Kemudian kerahan tenaga bagi yang memenuhi syarat<br>– | 4M |
| 3. | **Jelaskan bentuk latihan ketenteraan Bani Umaiyah**<br>Latihan berperang khas – musim panas dan sejuk | 2M |

**TOKOH: IBNU SINA**

| | | |
|---|---|---|
| 1. | **Riwayat hidup Ibnu Sina:**<br>-Nama penuh. Al-Husain b Abdullah b al-Hasan b Ali b Sina<br>-Dikenali- Di timur sebagai Ibnu Sina. Di Barat sebagai Avicenna<br>-Tarikh lahir. Pada 370 H / 980 M di Afsanah Bukhara<br>-Tahun wafat: 428 H / 1037 M | 2M |
| 2. | **Dua keistimewaan kitab *Qanun Fi Tib*:**<br>-Menghimpun pencapaian beliau dalam bidang perubatan<br>-Diiktiraf menjadi rujukan penting dalam bidang perubatan<br>-Menggunakan kaedah pemerhatian dan analisis | 4M |
| 3. | **Dua sumbangan beliau dalam bidang perubatan:**<br>-Penemuan penyakit baru dan puncanya<br>-Penemuan dalam bidang farmasi<br>-Membangunkan teknologi perubatan | 4M |

**ADAB BERMUSAFIR**

<table>
<tr><td>1.</td><td>Situasi yang mewajibkan musafir:<br>Bermusafir ke Mekah bagi seorang Muslim yang berkemampuan untuk menunaikan haji dan umrah yang wajib.</td><td>2M</td></tr>
<tr><td>2.</td><td>Dua adab bermusafir:<br>– Memulakan perjalanan dengan memohon petunjuk daripada Allah.<br>– Menyediakan bekalan secukupnya seperti wang, pakaian, makanan dan sebagainya.<br>– Melantik ketua dalam kumpulan yang terdiri dari tiga orang dan lebih.</td><td>4M</td></tr>
<tr><td>3.</td><td>Dua sebab beradab ketika bermusafir:<br>– Supaya perjalanan tersebut mendapat rahmat dan keberkatan daripada Allah.<br>– Sekiranya berlaku pertelingkahan, ketua yang dilantik akan menyelesaikannya.<br>– Supaya tidak berlaku kerosakan alam.</td><td>4M</td></tr>
<tr><td>4.</td><td>
<table>
<tr><th>Deskriptor</th><th>Skor</th></tr>
<tr><td>Menyatakan fakta sahaja</td><td>1M</td></tr>
<tr><td>Menyatakan fakta beserta huraian yang ringkas</td><td>2M</td></tr>
<tr><td>Menyatakan fakta beserta huraian yang jelas dan lengkap serta disokong dengan hujah</td><td>3M</td></tr>
<tr><td>Menyatakan fakta beserta huraian yang jelas dan lengkap serta disokong dengan hujah yang mantap dan bernas dan ada kesimpulan atau rumusan</td><td>4M</td></tr>
</table>
</td><td>4M</td></tr>
</table>